



No. Rujukan : UNIMEL/BEND/TAJAAN/2023 (05)

Tarikh : 13 Februari 2023M  
22 Rejab 1444H

*Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera*

|                |  |
|----------------|--|
| Perkara        | <b>SEMAKAN DAN KUTIPAN DOKUMEN PERJANJIAN PTPTN BAGI KELULUSAN 09 FEBRUARI 2023 (KELOMPOK KEDUA)</b>   |
| Kepada         | Semua Mahasiswa/i Yang Berkenaan   |
| Daripada       | Penolong Pendaftar, Pejabat Bendahari  |
| Salinan Kepada | <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ YBhg. Naib Canselor</li> <li>➤ Pemangku Pengarah Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa</li> <li>➤ TNC Hal Ehwal Pelajar, Alumni dan Gaya Hidup Kampus</li> <li>➤ Dekan Fakulti (FBP/FIPT/FKI/FSS/FUG/FKSK)</li> <li>➤ Unit IT – <i>mohon untuk paparkan di laman web UNIMEL</i></li> <li>➤ Majlis Perwakilan Pelajar</li> </ul> |

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa seramai 105 orang pelajar yang telah mendapat kelulusan permohonan pinjaman PTPTN pada **09 Februari 2023** bagi permohonan kelompok kedua yang tamat pada 31 Januari 2023 yang lalu. Bersama-sama ini disertakan senarai nama mahasiswa/i tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, mahasiswa/i diminta untuk menghantar dokumen perjanjian PTPTN yang telah lengkap ke kaunter Bahagian Tajaan, Pejabat Bendahari (kaunter 1 dan 2) selewat-lewatnya pada **16 Februari 2023 sebelum 12.00 tengahari**. Mahasiswa/i juga boleh menghantar dokumen di mana-mana cawangan pejabat PTPTN yang berhampiran. Pihak UNIMEL tidak bertanggungjawab atas kelewatan pelajar menghantar dokumen perjanjian lebih dari tempoh yang telah ditetapkan dan menyebabkan kelulusan permohonan tersebut terbatal.

4. Disertakan panduan mengisi dokumen perjanjian PTPTN untuk rujukan para siswa/i. Sebarang kesulitan, sila hubungi Pn. Nurfarahin dan Cik Nor Saffinaz (06-3878443) atau En. Wan Mohd Amin (06-3878162).

Kerjasama dan perhatian saudara/i amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”**  
**“BERAKHLAK, BERILMU, BERINTEGRITI”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(WAN MOHD AMINUDDIN BIN WAN RAHIM)**